Selaras kempen Kami Prihatin

Utusan Online
Sembang
www.utusan.com.my

MUKADIMAH

SEJAK akhir-akhir ini, kes pembuangan bayi dan penderaan kanak-kanak semakin banyak diperkatakan media dan masyarakat. Penderitaan dan kesengsaraan bayi dan kanak-kanak yang tidak berdosa ini amat perit sehingga ada yang hilang nyawa. Ia sungguh meruntun perasaan.

Mereka tidak mampu membela diri sendiri. Kita sebagai orang dewasa yang perlu melindungi mereka. Namun begitu, nasib mereka amat malang apabila dibuang di dalam tong sampah, di tepi longkang dan di tepi semak seperti barangan tidak berharga.

Atas keprihatinan itulah, *Utusan Malaysia* mencetuskan satu idea untuk mengadakan kempen *Kami Prihatin* yang kemudiannya mendapat kerjasama daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Astro dan Persatuan Karyawan Malaysia.

Ia bertujuan mencetuskan kesedaran masyarakat berhubung gejala pembuangan bayi dan penderaan kanak-kanak yang tidak berdosa yang pada masa kini sangat membimbangkan.

***Sembang Online* membawa dua ahli panel untuk membincangkan kempen *Kami Prihatin* iaitu Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye dan Ketua Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Sharifah Zainiyah Syed Yahya.**

***Sembang Online* yang diadakan pada Khamis lalu dikendalikan oleh pemudah cara iaitu Pengarang Berita Online 2, *Utusan Malaysia*, Lukman Ismail.**

LEE LAM THYE

SHARIFAH ZAINIYAH

Oleh SHARAIMEI SHAIK AHMEDULLAH
dan MOHD. FIRDAUS ISMAIL

SOALAN: Apakah pandangan Tan Sri tentang kempen *Kami Prihatin* ini.

Tan Sri: Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada *Utusan Malaysia* yang mencetuskan idea untuk mengadakan kempen *Kami Prihatin*. Saya anggap ini adalah contoh keprihatinan surat khabar tempatan di negara kita yang memainkan peranannya untuk mendedahkan isu-isu ataupun masalah berkaitan gejala sosial seperti buang bayi atau penderaan kanak-kanak. Ia juga usaha murni yang dapat dilaksanakan oleh *Utusan Malaysia* dalam menarik perhatian orang ramai dan pucuk pimpinan negara kita.

Yang menariknya, keprihatinan dan juga perhatian masyarakat pada keseluruhannya terutama ibu bapa dan institusi kekeluargaan tentang betapa seriusnya isu mengenai pembuangan bayi. Saya anggap kita harus memastikan kempen ini bukan tinggal sebagai satu kempen sahaja.

Prof. kalau kita lihat kempen ini bukan sekadar menyediakan ruangan dalam surat khabar tetapi juga diterapkan dalam pelbagai aktiviti di luar. Jadi, sejauh mana Prof. nampak kempen ini dapat membantu mengatasi mengurangkan gejala tidak sihat.

Prof: Terima kasih. Saya bersetuju dengan Tan Sri bahawa kita patut ucapkan tahniah kepada *Utusan Malaysia* kerana mencetuskan idea yang inovatif ini untuk cuba menyelesaikan satu masalah sosial dan tema kepada program ini. Kempen *Kami Prihatin* sangat bagus kerana membabitkan masyarakat keseluruhan. Gejala ini mungkin sudah lama ada tetapi tidak pernah diberitahu seperti mana pada masa sekarang. Tiap-tiap hari kita baca mengenainya menerusi akhbar malah di saluran Astro juga disiarkan klip video *Kami Prihatin*.

Pada pendapat saya, ini satu inisiatif yang amat berkesan di mana ia memainkan emosi orang yang mendengarnya. Kalau kita menggunakan sesuatu lagu, drama serta tayangan-tayangan gambar, biasanya ia boleh mencetuskan emosi seseorang seperti mana filem Bollywood. Malah kita boleh menangis. Jadi, melalui seni, banyak perkara yang boleh dilakukan dan kita patut berterima kasih kepada Karyawan kerana telah membabitkan diri dalam inisiatif yang membawa kepada jalan penyelesaian isu sosial yang melanda ketika ini. Bagaimanapun, kita tidak boleh berpuas hati dengan apa yang kita ada sekarang tetapi perlu lihat kepada punca masalah.

Apabila kita lihat tentang pembuangan bayi, kita mesti faham bahawa proses mengandung itu memakan masa sembilan bulan. Dia bukan jadi orang dalam tempoh satu malam sahaja. Apa yang menyebabkan seseorang remaja ataupun individu itu mengandung kebanyakannya anak luar nikah dan kemudian tergesa-gesa untuk membuang bayi tersebut? Sembilan bulan kandungan tentulah ada perancangan apa yang akan dilakukan.

Adakah ibu bapa dalam tempoh itu langsung tidak berjumpa dengan anak mereka untuk melihat perkembangan fizikal anaknya. Apabila seseorang wanita hamil, biasanya masyarakat sekeliling, kawan-kawan sebilik, kawan sekolah dan di tempat kerja mesti akan melihat perkembangan, perubahan dan fizikal seseorang yang mengandung.

Sekarang ini, kita perlu menjaga tepi kain orang walaupun kalau dilihat dari sudut negatif, mungkin tidak elok tetapi kalau sesuatu isu itu membabitkan implikasi terhadap masyarakat, maka menjaga tepi kain itu perlu dilakukan juga sebagai salah satu strategi membendung masalah sosial, saya bersetuju.

Tan Sri: Saya nak tambah mengenai apa yang telah disebut oleh Prof. bahawa kita harus mengakui masalah pembuangan bayi boleh dikatakan satu krisis moral yang kita hadapi pada hari ini. Suka atau tidak, kita harus menerimanya sebagai salah satu masalah dalam proses pembangunan. Dalam mengejar arus pembangunan negara, banyak pihak menyentuh betapa pentingnya soal ekonomi, kemewahan, mencari rezeki, tambah kekayaan dan sebagainya. Tetapi kita juga harus mengakui bahawa telah wujud pelbagai gejala sosial.

Isu ini adalah satu isu yang harus melibatkan semua pihak. Dalam hal ini, *Utusan Malaysia* menjadi satu contoh yang baik dalam mendedahkan isu yang saya anggap kita memerlukan badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan lain termasuk bukan kerajaan yang boleh tampil menyumbangkan idea, pandangan bernas dan penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang boleh memberi makna kepada kempen *Kami Prihatin*.

Prof: Saya bersetuju dengan pendapat Tan Sri tetapi saya berpandangan perlu ada satu badan yang menyelaras semua aktiviti-aktiviti ini. Kalau kita tengok, fungsi kementerian yang benar-benar menjaganya adalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tetapi *Utusan Malaysia* juga boleh menjadi penyelarasnya. Badan penyelaras ini perlu membabitkan NGO yang betul-betul berniat untuk membantu. Bukan maknanya untuk menambah lagi masalah dan menjuarai isu tetapi untuk bekerjasama dengan kerajaan menghapuskannya dan cuba menyelesaikan masalah ini. Kita juga perlu mengadakan penyelidikan yang lebih terperinci untuk memahami makna masalah ini.

Dari segi penyelidikan pun, kadang-kadang kita memberi banyak perhatian kepada sains tetapi di dalam negara kita yang sedang bergerak untuk mencapai status negara maju, kita perlu seimbang penyelidikan bio sains. Sains dan sebagainya perlu seimbang. Begitu juga sosial. Ini kerana ia akan terdapat di mana-mana pun di negara. Negara maju seperti Jepun dan United Kingdom juga berhadapan dengan masalah ini. Jadi, kita perlu mempunyai pasukan penyelidikan di universiti-universiti yang menumpu perhatian pada isu-isu sosial ini.

> Satu pelan tindakan khusus untuk jangka pendek dan jangka panjang perlu diadakan supaya jalan penyelesaian terhadap kes pembuangan bayi ini adalah konkrit

Jadi, program seperti ini perlu melibatkan banyak pihak?

Prof: Ya, banyak pihak tetapi perlu diselaraskan kerana tak boleh semua orang buat benda yang sama. *Duplicating each other but they must coordinating body*, badan penyelaras.

Tadi Prof. kata, kita perlu ada penyelaras-penyelaras program seperti ini. Boleh jelaskan sikit.

Prof: Dalam badan kerajaan, kementerian mempunyai fungsi-fungsi tertentu. Apabila membabitkan kes pembuangan bayi, saya rasa ia di bawah fungsi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Melaluinya, ada pula Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Institut Sosial Malaysia (ISM), Jabatan Pembangunan Wanita, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU).

Jika semua ini dapat diselaraskan sebagai *coordinating body*, badan penyelaras di mana *Utusan* boleh menjadi rakan media, maknanya akan melaporkan tentang perkembangan dan sebagainya. Pada masa sekarang, memang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sudah ada rakan dalam NGO tentang pembangunan wanita, OKU dan sebagainya.

Sekarang badan seperti Karyawan juga boleh terus bersama, Astro dan sebagainya dan juga mungkin ketua-ketua masyarakat, dapat dibabitkan masyarakat penyayang, di mana ahli-ahli Parlimen juga bertanggungjawab untuk menentukan masalah-masalah yang terdapat di kawasan mereka.

Cara ini semua boleh digabungkan tetapi saya rasa kalau macam *Utusan Malaysia* dapat menjadi penyelaras, itu sudah bagus. Badan penyelaras itu pula perlu memastikan tidak ada pertindihan program dan dapat merancang pelan tindakan tertentu untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang tentang apa yang perlu dilakukan termasuklah soal memberi penerangan kepada orang ramai, tentang penyelidikkan, pembangunan keluarga dan sebagainya.

Jadi, satu pelan tindakan khusus untuk jangka pendek dan jangka panjang perlu diadakan supaya jalan penyelesaian terhadap kes pembuangan bayi ini adalah konkrit. Kita tak mahu *just to do adhoc* sahaja tetapi ini adalah bagus kerana *Utusan Malaysia* telah memantau program ini selama tiga bulan. Ia satu tempoh yang bagus kerana sudah mendapat maklum balas mengenai bagaimana untuk pergi ke tahap berikutnya. Dalam tempoh enam bulan pula, kita sudah patut tahu sama ada program itu berkesan atau tidak dengan menjalankan *survey* dan maklum balas orang awam.

Tan Sri, selepas tiga bulan kempen berlangsung, apakah Tan Sri nampak keprihatinan masyarakat terhadap gejala ini.

Tan Sri: Saya rasa melalui usaha yang diambil oleh *Utusan* bersama masyarakat, ia sudah memperlihatkan tahap kesedaran yang meningkat. Ini satu perkembangan positif. Walaupun kita tahu bahawa kes-kes pembuangan bayi yang masih hidup berlaku, akan tetapi tanpa usaha *Utusan* ini, kemungkinan masalah ini akan menjadi lebih serius.

Jadi, saya memang bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Prof. tadi iaitu dalam isu gejala sosial ini, memang kita harus membabitkan banyak pihak. Misalnya, artis juga boleh menyumbang tenaga melalui penciptaan lagu, lagu yang disampaikan kepada masyarakat yang boleh menyentuh hati ibu bapa tentang betapa pentingnya isu ini.

Namun, pada masa yang sama, saya berpendapat bahawa kita memerlukan lebih banyak usaha. Kita harus berusaha dengan lebih gigih ke arah untuk menjadikan isu pembuangan bayi sebagai satu agenda nasional kerana kita harus sedar untuk mencari penyelesaian terhadap isu ini, kita tidak boleh bergantung pada kerajaan atau *Utusan* sahaja, sebaliknya kita menyuarakan betapa pentingnya melibatkan badan-badan bukan kerajaan yang berminat dengan perkara ini yang boleh menyumbang idea. Mesej saya ialah bahawa kita harus menggerakkan semua pihak yang berminat, menyumbang kepada usaha dan perjuangan ini.

Prof. dalam kita menangani isu ini, apa juga tindakan yang kita buat, untuk mengurangkan kes-kes pembuangan bayi, kita juga perlu lihat punca masalah dan apakah punca berlakunya pembuangan bayi ini. Macam mana?

Prof: Kita perlu lihat sesuatu masalah itu melalui puncanya. Dalam kes pembuangan bayi ini, kalau puncanya masih masalah sosial, saya masih berpegang kepada seseorang bayi itu dilahirkan ke dunia sebagai kain putih. Kain putih diwarnai oleh ibu bapa, kaum keluarga dan masyarakat sekeliling. Apabila kita nak kain putih itu menjadi warna pelangi, merah atau hitam? Semuanya kita yang pilih.

Ibu bapa memainkan peranan penting dan selain daripada itu, anak-anaklah dan kawan-kawan yang anak-anak kita pilih, semua itu patut diperhatikan. Ini bermula daripada asuhan, didikan ibu bapa dari kecil sampai anak itu membesar menjadi remaja. Kebanyakan yang terbabit dalam isu-isu sosial ini ialah remaja kerana itulah masa yang mereka ingin berereksperimen.

Ada juga yang pada mulanya takut tetapi apabila dah terjebak dua tiga kali, hisap dadah contohnya, atau kes seks sebelum berkahwin. Mula-mula takut tapi apabila sudah dua kali cuba, terbit rasa seronok. Saya terbaca tentang perkara ini dan amat menakutkan saya kerana apabila remaja mempunyai perasaan ini, maka ia menjadi sukar. Jadi, sejak mula kita perlu pantau anak-anak kita dan selebihnya memberi didikan dari segi agama, malah aspek seksual produktif juga merupakan tanggungjawab ibu bapa.

> Kita boleh melakukan sesuatu program yang bertujuan mempertingkatkan kesedaran golongan belia dan remaja tentang implikasi jika mereka mengadakan seks sebelum berkahwin

Bukan kita boleh harap pada sekolah sahaja untuk mendidik anak-anak kita. Apabila terlibat dengan perilaku seks sebelum kahwin dan kemudian membuang pula bayi itu, maka mereka telah melakukan sesuatu yang tidak baik terhadap seksual dan reproduktif organ mereka. Kemungkinan besar jika mereka berhasrat untuk mendirikan rumah tangga suatu hari nanti, individu tersebut mungkin tidak berkemampuan lagi untuk melahirkan anak kerana organ-organ tersebut telah rosak disebabkan oleh kesan sampingan daripada jangkitan ataupun banyak perkara lagi yang berlaku disebabkan penjagaan yang tidak betul semasa mengandung dan semasa melahirkan.

Tan Sri menyebut tentang institusi kekeluargaan. Ramai yang melihat bahawa kes-kes seperti ini banyak berlaku di bandar tetapi realitinya ia juga berlaku di luar bandar yang mana ibu bapa lebih banyak masa di rumah dan sebagainya. Bagaimana Tan Sri?

Tan Sri: Masalah ini... saya rasa berlaku di mana-mana tempat bukan sahaja di kawasan bandar. Saya rasa kawasan luar bandar juga ada masalah yang sama. Bagi saya, bila saya berbincang puncanya, gejala sosial ini berpunca daripada keruntuhan moral akhlak di kalangan generasi muda ataupun remaja yang terlibat.

Yang kedua, saya anggap ini sebagai kerapuhan institusi kekeluargaan dalam memastikan bahawa selepas melahirkan seorang bayi, ibu bapa harus bersedia untuk memainkan peranannya dan penting untuk mempunyai kemahiran keibubapaan ataupun *parenting skill*.

Untuk menjadi ibu bapa, itu sangat mudah bila berkahwin wujudkan satu keluarga yang mempunyai anak dan sebagainya tetapi saya anggap bahawa lebih penting daripada mengadakan cuma satu keluarga. Kita harus memastikan ibu bapa bersedia untuk pelajari dan mendalami kemahiran keibubapaan. Kita memang tahu bahawa pihak kerajaan dan NGO juga ada menganjurkan pelbagai kursus tertentu dan terpulang kepada ibu bapa untuk menghadirinya atau tidak.

Yang ketiga, generasi muda remaja kita banyak terdedah dengan pelbagai pengaruh. Salah satunya, yang saya anggap paling serius adalah filem-filem yang mereka tonton melalui televisyen, media elektronik dan dalam era moden ini, kita tahu kita tidak boleh sekat bahan-bahan yang keluar dari Internet dan sebagainya. Ada banyak bahan-bahan misalnya yang berkaitan dengan pergaulan secara bebas. Ada juga masalah tentang penyalahgunaan dadah dan juga sebagainya. Soal keseronokan yang dicari oleh golongan muda boleh mempengaruhi tingkah laku mereka.

Jadi dalam perkara ini, saya anggap selain daripada aspek penguatkuasaan undang-undang, yang penting bagi saya ialah penerapan nilai-nilai murni kepada generasi muda dan inilah satu tanggungjawab berat yang harus dipikul oleh ibu bapa, sekolah dan masyarakat pada umumnya. Setiap kali sesuatu masalah sosial berlaku, ada pihak tertentu akan menuding jari menyalahkan pihak kerajaan dan pihak lain tetapi mereka jarang bertanya diri sendiri tentang apakah peranan yang dapat dimainkan untuk mengelakkan masalah ini daripada berlaku.

Prof: Saya rasa satu lagi penyelesaiannya adalah ada jati diri. Kenapa ada dua pihak terdedah kepada satu senario, kenapa seorang akan terjebak dalam isu sosial itu seperti menghisap dadah ataupun yang tak menghisap. Walaupun senario itu di depan mata dia, jati diri akan membantu dia melawannya. Macam mana kita nak dapatkan jati diri?

Apakah Prof. nampak hukuman ataupun undang-undang yang dikenakan terhadap mereka terutamanya kepada ibu yang membuang bayi itu memadai. Adakah perlu kita heret sama pasangannya?

Prof: Sesungguhnya, apabila seseorang wanita itu mengandung, bukan dia boleh mengandung seorang diri. Ada pihak lain yang terlibat dan biasanya kalau dah tahu wanita itu mengandung, pasangannya akan melarikan diri.

Tiada sesiapa beri sokongan. Kalau mula-mula lagi pasangan bertanggungjawab, maka ia tidak akan menyebabkan wanita tersebut mengandung di luar nikah.

Lelaki akan mengikut saluran yang betul untuk mengahwini wanita tersebut, barulah menyertai kursus-kursus rumah tangga seperti yang Tan Sri cakapkan tadi. Kemahiran untuk menjadi ibu bapa yang sempurna, kalau tak sempurna pun mungkin yang baik. Dalam hal ini, yang merayu-rayu itu biasanya pihak lelaki dan wanita kesunyian kerana tidak mendapat perhatian keluarga dan juga mengharapkan kasih sayang seorang insan yang tidak akan mungkin menyokong beliau selepas sesuatu kejadian yang tidak enak berlaku.

Sebagai seorang doktor, *we are not judgemental*, maksudnya, bila orang itu datang, kita akan lihat sebagai pesakit yang memerlukan bantuan. Kalau kita *impose* pula hukuman terhadapnya, dia sendiri adalah mangsa. Untuk menjadi pengajaran kepada orang lain, sesuatu hukuman perlu diberi. Tetapi sebagai seorang doktor, kami sentiasa beranggapan bahawa mereka ini harus dipulihkan, maka program pemulihan perlu dijalani oleh orang tersebut.

Tan Sri mungkin ada kelemahan pada peringkat perundangan kita?

Tan Sri: Memang kita tahu di negara kita ada undang-undang mengenai sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu. Bagi seseorang yang bertanggungjawab melakukan kesalahan akan dihadapkan kemahkamah.

Pihak kehakiman harus menentukan hukuman kepada pihak yang bersalah tetapi saya juga berpendapat bahawa apabila berkaitan dengan kes buang bayi ataupun mana-mana gejala sosial yang lain, saya ingin tegaskan bahawa kita tidak boleh hanya melihat dari sudut undang-undang kerana apa yang lebih penting, sejauh mana kita boleh memberi kaunseling, nasihat dan program pemulihan supaya mangsa akan sedar.

Jadi, saya memang nak fokus, kepada kempen ini secara besar-besaran misalnya seperti kempen *Kami Prihatin* ini, kita boleh melakukan sesuatu program yang bertujuan mempertingkatkan kesedaran golongan belia dan remaja tentang implikasi jika mereka mengadakan seks sebelum berkahwin.

Ini penting supaya mereka dapat memahami sesuatu masalah yang timbul. Kedua, penting untuk memantapkan institusi kekeluargaan dan masyarakat dengan menerapkan nilai-nilai murni. Saya memang berharap untuk mengadakan satu kajian menyeluruh untuk mengenal pasti punca-punca masalah dan menyebarkannya kepada orang ramai. Peringkat akhir, terpulanglah kepada golongan tertentu misalnya ibu bapa untuk bersedia memainkan peranan yang lebih giat.

Prof: Saya rasa apa yang saya dan Tan Sri cakap adalah sebahagian sahaja. Mungkin boleh dilihat oleh badan penyelaras supaya jalan penyelesaian yang konkrit dapat dicapai, maknanya kalau kita secara bersendirian, pihak ini buat benda lain, maka gejala ini tidak dilihat sebagai gejala holistik.

NOTA: Rakaman video *Sembang Online* boleh diikuti di *http://www.utusan.com.my*